

Bimbang rumah mereka di Kampung Parit Air dimasuki pencuri 100 mangsa banjir enggan pindah

Oleh YULPISMAN ASLI

utusankelantan@utusan.com.my

RANTAU PANJANG 26 Nov.

- Lebih 100 penduduk daripada 20 keluarga di Kampung Parit Air dekat sini, masih enggan berpindah biarpun rumah mereka sudah dinaiki air kira-kira satu meter akibat banjir yang telah menenggelamkan banyak kawasan rendah.

Penduduk terbabit memberi alasan tidak mahu berpindah kerana kluatir rumah mereka akan dimasuki pencuri, walaupun sebelum ini polis telah memberi jaminan untuk mengawasi keadaan.

Seorang penduduk, Ramli Mohamad, 33, memberitahu, setiap kali musim tengkujuh sejak berpuluh tahun lalu, kawasan kampung mereka akan ditenggelami air, namun penduduk enggan berpindah bagi mengelak jenayah pecah rumah.

"Kami terpaksa, kalau ikutkan memang tidak boleh tinggal lagi di rumah kerana air masuk ke dalam rumah dan ada yang sampai perahu boleh masuk rumah.

"Semua penduduk di sini tidak berani meninggalkan kediaman masing-masing kerana bimbang keselamatan harta benda terutama ba-



ANAK-ANAK penduduk Kampung Parit Air, Rantau Panjang, seronok bermain banjir, semalam.

rangan elektrik seperti televisyen, peti sejuk dan radio," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dia mendakwa, penduduk terbabit mengambil keputusan tersebut setelah mengambil kira penga-

lanan sebelum ini apabila mendapati rumah mereka dipecah masuk dan banyak harta benda hilang, se-

baik sahaja kembali dari pusat pemindahan.

Ramli mendakwa, penjenayah akan menggunakan perahu untuk masuk ke kawasan rumah yang ditinggalkan dan mengambil kesempatan mencuri pelbagai barangan berharga.

Seorang lagi penduduk, Anuar Jusoh, 43, mendakwa, kawasan tersebut ditenggelami banjir dan air banjir tersebut pula bersambung sehingga ke Sungai Golok menyebabkan penjenayah mudah masuk ke rumah yang ditenggelami air.

"Setahu kami kegiatan ini didalangi oleh penjenayah dari negara jiran kerana mereka akan menggunakan bot dan masuk ke kawasan rumah yang ditinggal penghuni.

"Bukan kami tak mahu pindah, tetapi kalau kami pindah sudah pasti rumah kami akan menjadi mangsa dan sebelum ini juga sering berlaku kejadian tersebut, kami tidak sanggup kehilangan harta benda lagi," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, seorang lagi penduduk, Rogayah Mohamad, 49, mendakwa, penduduk di kawasan itu tidak pernah menerima sebarang bantuan biarpun setiap kali musim tengkujuh mereka akan terperangkap serta tidak boleh keluar.